

22/01/2002

Pembangunan di Tioman tidak abai alam sekitar

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan memastikan pembangunan di pulau bebas cukai, Pulau Tioman tidak mengabaikan aspek alam sekitar, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Beliau berkata, pihaknya dengan Kerajaan Pahang akan bekerjasama memastikan semua pembangunan di negeri itu, termasuk di Pulau Tioman dijalankan secara teratur dan mematuhi undang-undang alam sekitar berkaitan.

Pada masa yang sama, katanya, pembangunan di kawasan berkenaan akan mematuhi garis panduan pembangunan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau, yang dijangka akan diluluskan Kabinet tidak lama lagi.

"Tioman adalah antara 71 pulau yang terbabit dalam kajian jawatankuasa ini, selain 11 kawasan tanah tinggi di seluruh negara.

"Jawatankuasa terbabit sedang menyediakan garis panduan berhubung pembangunan di tanah tinggi dan pulau berdasarkan kajian perintis di Cameron Highlands.

"Garis panduan ini akan memastikan pembangunan di kawasan terbabit dijalankan secara mapan," katanya selepas majlis penyampaian anugerah Yayasan Sains Toray Malaysia (MTSF), di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu mengesahkan laporan The New Straits Times bahawa Pulau Tioman akan dijadikan pulau bebas cukai.

Mengulas pendapat segelintir pihak bahawa pembangunan di pulau itu akan menjejaskan alam sekitar, Law berkata pembangunan ekonomi juga penting untuk memulihara alam sekitar.

"Kemiskinan juga adalah satu sebab pencemaran alam sekitar," katanya.

Sementara itu, pada majlis itu, Law turut menyampaikan Anugerah Sains dan Teknologi kepada dua saintis tempatan yang membawa banyak kemajuan sains dan teknologi (S&T) dalam bidang masing-masing.

Mereka ialah Dr Choo Yuen May dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan pakar pemakanan, Dr Tee E Siong dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Choo yang kini bertugas sebagai Ketua Unit Pemprosesan Bahagian Kejuruteraan dan Proses, MPOB, mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam penyelidikan kimia dan teknologi minyak sawit. Antara ciptaan beliau ialah minyak sawit merah yang kaya dengan carotene. Ia dipasarkan dengan jenama Carotino.

Sementara itu, Dr Tee yang juga Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) bertanggungjawab membangunkan pangkalan data mengenai komposisi makanan 20 tahun lalu.

Pengetahuan luas beliau dalam bidang pemakanan bukan saja diiktiraf negara malah dunia. Beliau pernah berkhidmat sebagai penasihat sementara Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta membantu Kementerian Kesihatan Brunei dan Laos mengadakan kajian mengenai pemakanan.

(END)